SOALAN PRAKTIS BESTARI
PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ) 2019

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 3766/2

PERNIAGAAN
Kertas 2 / Set 4

2 Jam 15 Minit Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 3 bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C**
2. Jawab **lima** soalan daripada **Bahagian A** , **dua** soalan daripada **Bahagian B** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian C**.
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang disediakan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[*50 markah*]

*Jawab **lima** soalan sahaja.*

1 (a) John telah membuka sebuah kedai runcit dengan menggunakan duit simpanannya. Beliau menguruskan perniagaannya dengan bantuan ahli keluarganya sejak ditubuhkan empat tahun lalu.

(i) Jelaskan bentuk pemilikan pernigaan yang diusahakan oleh John. [3 *markah*]

(ii) Huraikan tujuan John membuka perniagaannya. [3 *markah*]

(b) Terangkan kelebihan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT). [4 *markah*]

2 (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan prinsip sejenis bentuk pemilikan perniagaan.

KOPERASI LADANG PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MALAYSIA BERHAD

(i) Terangkan prinsip bagi perniagaan ini. [4 *markah*]

(ii) Jelaskan hak anggota dalam pemilikan perniagaan tersebut. [3 *markah*]

(b) Syarikat AB merupakan sebuah perniagaan yang telah beroperasi selama dua tahun serta menyertai program promosi bersama kerajaan.

Pada pendapat anda, apakah jenis pelepasan cukai yang layak diperolehi oleh Syarikat AB? Berikan alasan. [3 *markah*]

YAYASAN PAHANG

3 (a) Dengan memberikan contoh, terangkan kos tetap dan kos berubah. [4 *markah*]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan bahagian fungsian peniagaan.

Kilang Biskut Hup Heng telah menerima aduan dari pelanggannya berkaitan masalah kehabisan stok. Ini disebabkan kelewatan penerimaan stok dari Kilang Biskut Hup Heng.

i) Jelaskan bahagian fungsian yang bertindak menguruskan proses ini? [3 *markah*]

ii) Pada pendapat anda, bagaimana teknologi maklumat dapat membantu melancarkan urusan di antara Kilang Biskut Hup Heng dengan pembeli? [3 *markah*]

4 (a) Maklumat berikut menunjukkan satu iklan jawatan kosong.

Jawatan kosong
Hotel Sutra
Chef (*Western Cook*)

Syarat-syarat:

- Warganegara Malaysia
- Berumur tidak melebihi 35 tahun
- *Degree Food & Beverage Service Management*
- Tiga tahun berpengalaman dalam bidang ini.

Jelaskan kebolehkerjaan yang perlu ada pada calon yang memohon jawatan tersebut.
[3 *markah*]

(b) Lakar dan namakan struktur organisasi yang sesuai digunakan bagi sebuah perniagaan berasaskan perkhidmatan di sebuah bank. [4 *markah*]

(c) Mengapakah pengurusan sumber fizikal amat diperlukan dalam menjalankan operasi sesebuah perniagaan? [3 *markah*]

5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis sumber pembiayaan.

Laundry Port menghadapi masalah kekurangan empat buah mesin pengering bernilai RM 25 000 untuk memenuhi permintaan pelanggan. Pihak syarikat mempertimbangkan untuk membeli mesin tersebut secara tunai.

i) Terangkan sumber pembiayaan yang digunakan oleh Laundry Port. [2 *markah*]

ii) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan di 5(a)(i). [4 *markah*]

(b) Jelaskan fungsi pembiayaan overdraf kepada peniagaan. [4 *markah*]

6 (a) Terangkan jenis dokumen yang perlu disimpan oleh seorang peniaga bagi memudahkan penyata kewangan disediakan. [4 *markah*]

(b) Perbualan berikut menunjukkan perbualan antara Encik Arshad dan seorang pengurus bank.

(i) Jelaskan kertas kerja yang dimaksudkan oleh pengurus bank. [2 *markah*]

(ii) Berdasarkan perbualan di atas ,jelaskan kepentingan lain penyediaan kertas kerja berikut kepada Encik Arshad. [4 *markah*]

BAHAGIAN B

[*30 markah*]

Jawab mana-mana **dua** *soalan daripada bahagian ini.*

7 Situasi di bawah berkaitan dengan pembangunan produk baru oleh bagi perniagaan minuman berasaskan herba Encik Bukhari.

> Setelah berjaya mendapatkan kelulusan bank atas pembiayaan modal tambahannya, Encik Bukhari bercadang untuk mempelbagaikan produk minumannya yang berasaskan herba. Herba baru yang diperolehi daripada pembekal tempatan akan diformulasikan bersama herba asas iaitu tongkat ali supaya fungsi produk dapat dipelbagaikan.
>
> Namun terdapat sedikit keraguan Encik Bukhari terhadap pekerja yang akan digunakan untuk meningkatkan pengeluarannya sama ada mangambil pekerja sedia ada ataupun pekerja baru.

(a) Terangkan langkah-langkah pembangunan produk baharu bagi perniagaan tersebut? [8 *markah*]

(b) Sekiranya anda dilantik sebagai pengurus sumber manusia syarikat Encik Bukhari, sumber manusia manakah yang akan digunakan ?
Berikan alasan. [7 *markah*]

YAYASAN PAHANG

8 (a) Situasi di bawah berkaitan dengan faktor memulakan perniagaan.

> Kamal berhasrat menjual nasi dagang 'Sedap & Murah' secara COD (*cash on delivery)* di sekitar Kuantan. Namun begitu, masalah utamanya adalah beliau tiada latihan khusus dari aspek pengurusan kewangan, stok, dan pemasaran agar perniagaannya nanti tidak menghadapi masalah.

Jelaskan kepentingan faktor penyumbang tersebut kepada Kamal. [6 *markah*]

(b) Huraikan bagaimana anda boleh membantu Kamal dalam aspek campuran pemasaran produknya. [9 *markah*]

9 (*a*) Gambar berikut berkaitan dengan kaedah promosi.

Gambar 1

Gambar 2

Bandingkan kaedah promosi di atas. [9 *markah*]

(*b*) Terangkan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya. [6 *markah*]

YAYASAN PAHANG

Bahagian C
[20 markah]
Soalan ini **wajib** dijawab

10 Pada tahun 2016 Encik Solehin telah menubuhkan Syarikat Yakin Setia Sendirian Berhad (SYSB) yang mempunyai jumlah pekerja seramai 50 orang dan lokasi kilangnya terletak di Pekan, Pahang dan saham syarikatnya tidak di urusniaga di Bursa Malaysia. SYSB ialah sebuah syarikat pengeluar pelbagai sos produk Muslim yang pertama di Pahang. Syarikat ini mengeluarkan pelbagai jenis sos cili berperisa untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

Pada tahun 2017 syarikat ini telah mengalami masalah kewangan untuk membesarkan kilang bagi memenuhi permintaan. SYSB memerlukan RM 80 000 untuk membesarkan kilang selaras dengan permintaan yang kian meningkat. Oleh sebab itu, Encik Solehin membuat keputusan untuk mendapatkan pembiayaan bagi merealisasikan perancangan syarikat.

Di samping itu SYSB juga menggunakan media sosial seperti Facebook, Youtube dan laman web rasmi untuk mengiklankan produknya. SYSB juga menetapkan harga yang lebih rendah daripada pesaing utama yang terkenal dipasaran. Misalnya sos cili Yakin dijual dengan harga RM2.10 berbanding sos cili pesaing yang dijual dengan harga RM2.90 sebotol. Strategi ini berjaya menguasai pasaran pengguna di luar bandar dan juga pengguna berpendapatan rendah di kawasan bandar.



Kini SYSB ingin meluaskan pasaran ke Benua Eropah dan Benua Amerika pada masa hadapan. SYSB memerlukan bantuan agensi kerajaan bagi memasarkan produknya keluar negara dan bersaing diperingkat global.

Walau bagaimanapun pihak vendor dari luar negara tidak setuju dengan cara pembungkusan dan rekabentuk botol yang sedia ada. Ini merunsingkan hati Encik Solehin. Seorang pekerja telah mencipta pembungkusan baru supaya diterima oleh pihak vendor.

Rekabentuk asal sos cili Yakin botol plastik.

Kepada

Rekabentuk yang lebih mesra pengguna botol kaca.

Dalam masa yang sama pihak syarikat juga bercadang untuk membuka sebuah kolej masakan di Temerloh untuk melatih lebih ramai chef yang mempunyai kemahiran dalam bidang pelbagai jenis masakan. SYSB juga bercadang untuk menyalurkan bantuan dalam bentuk biasiswa dan pinjaman kepada lepasan SPM yang berjaya memasuki kolej tersebut. Ini merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) tersebut.

Berdasarkan kajian kes di atas, jawab soalan-soalan berikut :

(a) Terangkan jenis perniagaan yang dijalankan oleh Syarikat Yakin Setia Sdn. Bhd (SYSB)? [4 *markah*]

(b) Pada pendapat anda, apakah sumber pembiayaan agensi kerajaan yang sesuai perlu dipilih oleh SYSB?. Berikan alasan anda. [5 *markah*]

(c) Jelaskan campuran pemasaran yang terdapat dalam syarikat SYSB. [4 *markah*]

(d) Bersetujukah anda dengan rekabentuk terbaru botol sos tersebut?. [5 *markah*]

(e) Jelaskan tanggungjawab Encik Solihin sebagai seorang usahawan?. [2 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

YAYASAN PAHANG